Pemajmukan

Nota SMART

1. Pemajmukan merupakan suatu proses yang merangkaikan dua perkataan dasar untuk membentuk satu makna tertentu.
2. Kata majmuk boleh dibahagikan kepada empat kumpulan, iaitu:
   (a) **Kata majmuk bebas** – *gambar rajah, alat tulis, minyak masak, ikan parang, bandar raya*
   (b) **Kata majmuk istilah** – *hak milik, pita suara, segi tiga, garis pusat, kanta lekap*
   (c) **Kata majmuk kiasan** – *kaki ayam, mandi kerbau, batang hidung, bulan madu, setahun jagung, buah hati*
   (d) **Kata majmuk mantap** – *bumiputera, pesuruhjaya, tandatangan, warganegara, sukarela, kerjasama, kakitangan*
3. Pengimbuhan kata majmuk:
   (a) Kata majmuk yang telah mantap dieja dalam satu perkataan.
   (b) Kata majmuk yang menerima imbuhan awalan dieja secara terpisah. Contohnya, *menemu ramah, mengenal pasti, bercampur aduk, dan mengambil alih.*
   (c) Kata majmuk yang menerima imbuhan apitan dieja bercantum. Contohnya, *mencampuradukkan, menyalahgunakan, menghubungkaitkan, mengemaskinikan, diurusniagakan, dan dipindahmilikkan.*
   (d) Kata majmuk berbeza dengan kata ganda kerana tidak menggunakan tanda sempang. Contohnya, *rumah rehat, tunjuk ajar, putih pucat, dan balai raya.*

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai.**

1. Fatin akan menghadiri _____ bagi mengisi jawatan Penolong Pemelihara Hutan pada minggu depan.
   A temu ramah
   B temu duga
   C temu janji
   D temu bual

2. Encik Rafizi merupakan salah seorang _____ di Jabatan Alam Sekitar.
   A jawatankuasa
   B suruhanjaya
   C kakitangan
   D sukarela

3. Sikap _____ terhadap kebersihan dan kelestarian alam sekitar akan menjamin kesihatan dan kesejahteraan.
   A mengambil hati
   B mengambil kira
   C mengambil berat
   D mengambil mudah

4. Puan Mastura perlu menyiapkan _____ berkaitan dengan pembalakan haram selewat-lewatnya minggu depan.
   A kertas graf C kertas kerja
   B kertas taip D kertas saring

Soalan 5 – 8

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B**, *atau* **C** *dan jika* **tiada kesalahan** *telah ditandakan dengan* **D**.

5. Walaupun (A) Azhar hanya anak angkat (B), namun Encik Hasman telah menyerahkan semua urusan syarikat kepadanya (C). Tiada kesalahan (D).

6. Pihak sekolah mengucapkan terima kasih (A) kepada ibu bapa (B) yang menjayakan program penanaman 100 anak pokok (C) di sekitar kawasan sekolah. Tiada kesalahan (D).

LIVEWORKSHEETS

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

7. I Pencemaran laut berlaku berpunca daripada tumpahan minyak oleh kapal laut.
   II Ibu menghadiahi kakak seutas jam tangan bersempena dengan hari lahirnya yang ke-13.
   III Semua pihak harus bekerjasama dalam usaha memelihara alam sekitar dari pencemaran.
   IV Tong sampah-tong sampah itu akan diagihkan kepada penduduk Taman Harmoni bersempena dengan kempen Cintai Alam Sekitar.

   A I dan II sahaja
   B II dan III sahaja
   C I, II, dan III sahaja
   D II, III, dan IV sahaja

8. **A** Putrajaya merupakan sebuah bandaraya pintar dalam taman.
   B Pak Kamil telah memindahkan hak kuasa tanah kebunnya kepada anak sulungnya.
   C Pembersihan sungai itu akan dilakukan secara sukarela oleh masyarakat setempat.
   D Relak Hotel dikenakan kompaun kerana didapati mempunyai tempat pembiakan jentik-jentik.

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis** *ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Kempen Selamatkan Bumi Kita yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar turut dihadiri oleh perdana menteri dan isterinya.

   _____

2. Beberapa orang wartawan sedang mengadakan sesi temubual dengan beberapa orang kampung yang menyaksikan kejadian tanah runtuh itu.

   _____

3. Pak Jamil memasukkan sampah-sarap itu ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak majlis daerah.

   _____

4. Beberapa orang penduduk menebas semak-samun di kawasan persekitaran tempat tinggal mereka.

   _____

5. Pihak polis tidak akan berkompromi dengan pemandu yang memandu melebihi halaju yang ditetapkan.

   _____

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS